

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENJUALAN LOT-LOT LIDI OLEH TUAN TANAH**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme untuk mengawal aktiviti penjualan lot-lot lidi oleh tuan tanah?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Penyelaras Pentadbiran Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBTNS) Bil. 1/2018 yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Julai 2018 telah bersetuju untuk **menolak** semua permohonan Pendaftaran Surat Ikatan Amanah atas semua alasan bagi semua lot-lot tanah pertanian (lot lidi) di Negeri Selangor. Penolakan ini terpakai mulai 28 September 2018 di semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) sehingga satu dasar berkaitan dirangka dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Hal ini bagi membendung aktiviti penjualan lot lidi secara berleluasa tanpa mengikut syarat-syarat pembangunan dan pendaftaran hakmilik yang dibenarkan yang memberi kesan langsung kepada pembeli.

Selain itu, pelbagai medium digunakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam melalui hebahan informasi berkenaan risiko pembelian lot-lot tanah di media sosial seperti *Facebook* dan Portal rasmi jabatan. Hebahan ini turut dipanjangkan ke Majlis Peguam Negeri Selangor untuk makluman. Khidmat nasihat berterusan juga diberikan kepada mereka yang hadir terus ke Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Langkah-langkah ini dapat melindungi kepentingan masyarakat agar tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan Negeri juga dalam proses bagi mewujudkan satu dasar yang konkrit berkaitan pembangunan di atas tanah pertanian bagi tujuan selain pertanian ini bagi menangani isu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : LIPUTAN UNIFI DI DUN MERU**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan Internet kelajuan tinggi UNIFI yang lebih meluas di DUN Meru yang kini masih lagi rendah dan terhad liputannya?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha untuk meningkatkan liputan dan kelajuan internet WiFi Smart Selangor (WiFiSS) di DUN Meru serta di kawasan luar bandar akan terus dilaksanakan secara berperingkat dengan keutamaan diberikan kepada tempat-tempat tumpuan orang ramai yang berpendapatan rendah. Walaubagaimanapun, ia masih tertakluk kepada ketersediaan infrastruktur jaringan teras (*Core Network Infrastructure*) pihak pembekal ke kawasan sasaran tersebut.

Pihak Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan pihak pembekal untuk meningkatkan prestasi *hotspot* WiFiSS yang sedia ada dan memperluaskan liputan WiFi dengan pemasangan *hotspot* WiFiSS yang baharu di kawasan-kawasan yang disasarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KUALITI KERJA KONTRAKTOR SYARIKAT UTILITI YANG TERUK**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme untuk mengawal kualiti kerja kontraktor-kontraktor syarikat utiliti seperti TNB dan Air Selangor yang melakukan kerja penyelenggaraan dengan melakukan pengorekan jalan raya tetapi mutu tampalan turapan jalanraya amat menyedihkan?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi mengawal kualiti kerja kontraktor syarikat utiliti, PBT telah melaksanakan perkara seperti berikut:
- 1) Sebelum PBT melantik kontraktor melalui jawatankuasa tender/sebutharga. PBT perlu menyemak syarikat kontraktor dari pelbagai sudut iaitu dari segi kecukupan modal, pengalaman dan kepakaran setiap kontraktor termasuklah harga yang ditawarkan;
  - 2) Syarikat yang terpilih perlulah menandatangani satu perjanjian antara PBT dengan syarikat bagi menetapkan skop kerja dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi;
  - 3) Syarikat yang dilantik perlulah menyediakan bon pelaksanaan bagi menjamin kualiti kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi yang telah dimeterai di dalam perjanjian. Sekiranya projek tersebut gagal mematuhi spesifikasi dan gagal dalam Ujian Ketebalan, syarikat diarahkan untuk menurap semula jalan terbabit mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
  - 4) Kegagalan pihak syarikat untuk melaksanakan arahan tersebut, akan mengakibatkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) tidak dikeluarkan dan seandainya projek tersebut gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, denda lewat (LAD) akan dikenakan; dan
  - 5) Sekiranya kontraktor tersebut juga gagal menyiapkan projek tersebut selepas tempoh notis arahan siap kerja oleh PBT, barulah tindakan susulan boleh diambil berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai termasuklah menggunakan bon pelaksanaan syarikat tersebut oleh PBT serta syarikat tersebut akan disenarai hitam oleh PBT berkenaan.

Selain itu, PBT akan memantau kerja-kerja utiliti yang dijalankan oleh kontraktor bermula permohonan kerja-kerja korekan diluluskan sehingga ianya siap dilaksanakan. Sebarang pelaksanaan kerja tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan menyebabkan wang cagaran/wang tahanan tidak dilepaskan sehingga pembaikan dilaksanakan mengikut spesifikasi PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SALAH GUNA PREMIS PERSENDIRIAN**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme bagi mengawal aktiviti menjadikan rumah-rumah persendirian sebagai kedai runcit dan juga asrama pekerja-pekerja asing?
- b) Adakah Kerajaan dan Pihak Berkuasa menyedari kegiatan hiburan haram warga asing yang terselindung di sebalik premis persendirian?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi premis-premis yang menjalankan aktiviti salah guna Bangunan, PBT akan mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 70(12) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) dan tindakan susulan akan dilaksanakan mengikut Peruntukan Undang-undang tersebut. Sekiranya PBT menyedari adanya kegiatan hiburan haram yang berselindung di sebalik premis persendirian, PBT akan mengambil tindakan dibawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Selangor 1995 serta dibawah Undang-undang Kecil yang berkaitan.

PBT juga berusaha mengawal aktiviti salah guna premis persendirian oleh warga asing. Tindakan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172 dikenakan ke atas individu yang didapati menjalankan aktiviti menjadikan rumah-rumah persendirian sebagai kedai runcit dan juga asrama pekerja-pekerja asing. Operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen sering dijalankan oleh PBT.

- b) Kerajaan dan Pihak Berkuasa menyedari kegiatan hiburan haram warga asing yang terselindung di sebalik premis persendirian. Sehubungan itu, PBT berusaha mengawal aktiviti salah guna premis persendirian oleh warga asing dengan menjalankan operasi bersepadu bersama Jawatankuasa Penduduk (JKP), Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEBAJIKAN ORANG KURANG UPAYA**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan satu skim bantuan khas bagi membantu meningkatkan ekonomi OKU untuk berniaga atau berdikari?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai platform kepada golongan orang kurang upaya (OKU) untuk meningkatkan potensi diri dalam meningkatkan ekonomi melalui perniagaan seterusnya dapat berdikari dan menyara diri sendiri dari terus bergantung harap kepada orang lain.

Antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Skim HIJRAH SELANGOR yang terbuka kepada semua golongan dan rakyat di Selangor yang berusia 18 hingga 60 tahun termasuk golongan OKU dengan syarat perlulah pemohon yang sedang menjalankan perniagaan kecil-kecilan serta mempunyai premis dan lesen perniagaan yang sah.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga turut menyediakan beberapa program dan kemudahan bagi menyuntik semangat golongan OKU yang berpotensi untuk meningkat ekonomi mereka untuk terus berjaya menerusi bidang perniagaan. Antaranya adalah seperti berikut :-

- i) Geran Pelancaran  
Pemberian geran ini merupakan bantuan kewangan untuk memberikan galakan kepada kumpulan sasar Jabatan yang mempunyai minat dan potensi diri untuk maju dalam menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil seterusnya dapat berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka. Geran ini membolehkan golongan OKU melancarkan rancangan jayadiri mereka agar dapat berdikari dengan usaha sendiri.
- ii) Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor  
Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP) adalah sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya Fizikal melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Terdapat pelbagai latihan, program dan kemahiran yang disediakan untuk

membantu golongan OKU mendapatkan kursus pra-vokasional dan vokasional seperti Rekaan Fesyen & Jahitan (MLVK), Elektrikal (MLVK), Elektronik, Elektrikal, Prostetik dan Ortotik, Pembuatan Kerusi Roda, Komputer, Lukisan, Jahitan, Membatik dan lain-lain.

iii) Bengkel Daya Klang

Bengkel ini dikhaskan untuk Orang Kurang Upaya yang tidak berdaya saing bagi mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU, mempertingkatkan tahap keupayaan, kebolehan, pengetahuan dan kemahiran warga kurang upaya serta memberi sumber pendapatan kepada warga kurang upaya dalam bidang jahitan, perkhidmatan am dan bakeri.

Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan atau pandangan yang bernas dalam membangunkan serta meningkat ekonomi golongan OKU dalam usaha untuk mendorong mereka memajukan diri sama ada dalam bidang perniagaan atau apa sahaja yang demi masa depan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah sasaran rumah mampu milik yang akan dibina oleh Kerajaan Selangor untuk tempoh 5 tahun yang akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan perasmian Seminar Pembangunan Hartanah Harga Kawalan Negeri Selangor 23 Oktober 2018 telah mensasarkan pembinaan sebanyak **30,000 unit** Rumah Selangorku dibina dalam tempoh lima (5) tahun bermula Tahun 2019 hingga 2023. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa projek yang telah diberikan kelulusan membina Rumah Selangorku untuk dipantau dengan lebih teliti bagi memastikan ianya dapat disiapkan dalam tempoh masa tersebut. Projek-projek tersebut terdiri daripada projek seliaan pemaju swasta, anak syarikat Kerajaan Negeri dan juga Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Butiran sasaran tersebut adalah seperti berikut :-

<b>PEMAJU SWASTA</b>	<b>ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	<b>LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR</b>
<b>15 Projek</b> (11,721 unit)	<b>8 Projek</b> (18,865 unit)	<b>1 Projek</b> (710 unit)
Jumlah Keseluruhan : <b>25 Projek</b> (31,296 unit)		



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BIDANG MAKANAN PERTANIAN**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tawaran yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk belia di Selangor untuk menceburi bidang makanan dan pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat memberikan galakan kepada golongan belia untuk menceburi bidang pertanian samada tanaman, penternakan, akuakultur atau industri asas tani (IAT). Bagi menarik minat golongan tersebut, beberapa perkara telah dikenalpasti sebagai halangan utama penglibatan mereka iaitu modal, tanah, ilmu pengetahuan dan paling utama sekali minat.

Sehubungan dengan itu juga, Kerajaan Negeri telah mula mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan penglibatan golongan belia di dalam sektor pertanian dapat ditingkatkan iaitu :-

1. Menganjurkan program-program kursus dan seminar bagi memberikan gambaran sebenar kepada golongan belia bahawa sektor pertanian boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan jika ianya dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan mengikut kaedah yang betul;
2. Mempromosikan menggunakan gajet-gajet pertanian seperti penggunaan kawalan pembajaan, pengairan dan pengawalan serangga secara atas talian dan penggunaan drone untuk penanaman padi, memperkenalkan kaedah *precision agriculture* atau pertanian persis yang memberikan penekanan kepada *SOP (Standard Operating Procedure)*;
3. Pembukaan tanah-tanah pertanian melalui kaedah pewartaan tanah kerajaan untuk pertanian;
4. Mewujudkan program mentor-mentee dan *incubator* bagi memastikan golongan tersebut mendapat tunjuk ajar melalui jabatan-jabatan yang berkaitan serta pengalaman mentor dan dalam masa yang sama pembelian hasil melalui projek ladang kontrak oleh mentor bagi memastikan hasil yang dikeluarkan telah tersedia untuk dipasarkan (*safety net*);

5. Menyediakan insentif-insentif berbentuk input dan peralatan kepada golongan belia yang telah memulakan projek pertanian mereka bagi membantu golongan tersebut untuk meningkat hasil dan membantu mengurangkan kos belanja modal; dan
6. Mengadakan kerjasama strategik dengan agensi-agensi pembiayaan seperti Agro Bank, Hijrah Selangor dan Tekun untuk turut sama membantu di dalam menyediakan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada pengusaha-pengusaha di sektor pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : DENGGI**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah denggi dari 2016 - 2018?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi denggi dari 2016-2018 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>	<b>2018 (RM)</b>
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>16,518,574.00</b>	<b>13,375,663.00</b>	<b>9,015,003.00</b>

Manakala peruntukan Kerajaan Negeri dari tahun 2016-2018 pula adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>	<b>2018 (RM)</b>
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>5,000,000.00</b>	<b>5,000,000.00</b>

\*peruntukan ini tidak termasuk peruntukan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN DAN PEMBINAAN JALAN DI BAWAH JKR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua jalan di bawah JKR dan kerja beserta kos penyelenggaraan atau binaan baru di kawasan DUN Taman Templer sejak 2013 - 2018.

**JAWAPAN:**

- a) Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di kawasan DUN Taman Templer adalah seperti berikut:

<b>JALAN PERSEKUTUAN</b>	<b>JALAN NEGERI</b>
Jalan Persekutuan FT01 (9 km)	Jalan Sungai Tua – Ulu Yam, B23 ( X km)

Jadual di bawah menunjukkan kos penyelenggaraan Jalan Persekutuan di DUN Taman Templer seperti yang dipohon:

<b>TAHUN</b>	<b>RUTIN (RM)</b>	<b>BERKALA (RM)</b>
2013	184,896.00	950,000.00
2014	184,896.00	1,000,000.00
2015	184,896.00	0.00
2016	184,896.00	2,200,000.00
2017	184,896.00	1,110,000.00
2018	184,896.00	0.00

Bagi tahun 2019, pihak JKR Selangor telah memohon sebanyak RM3,900,000.00 bagi penyelenggaraan berkala di Jalan Persekutuan di DUN Templer tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Jadual di bawah menunjukkan kos penyelenggaraan Jalan Negeri di DUN Taman Templer seperti yang dipohon:

<b>TAHUN</b>	<b>KOS BAIK PULIH (RM)</b>
2016	803,281.48
2017	279,430.00
2018	1,224,455.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN DAN PEMBINAAN JALAN DI BAWAH JPS**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kerja serta kos (sama ada binaan baru atau kos penyelenggaraan) di bawah JPS kawasan DUN Taman Templer sejak 2013-2018.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, pihak JPS menerima peruntukan MARRIS bagi penyelenggaraan jalan ladang. Tiada kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan di bawah JPS dijalankan di kawasan DUN Taman Templer sejak 2013-2018 kerana kawasan berkenaan tiada kawasan yang terlibat dengan skop kerja MARRIS di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN DAN PEMBINAAN JALAN DI BAWAH  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kerja serta kos (sama ada binaan atau kos penyelenggaraan) di bawah peruntukan pembangunan luar bandar di kawasan DUN Taman Templer sejak 2013-2018.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tahun **2013**, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak **RM285,072.20** bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan di bawah Pembangunan Luar Bandar di DUN Taman Templer manakala bagi tahun **2014**, sebanyak **RM93,934.44** telah diluluskan bagi tujuan tersebut. Bagi tahun **2015** pula, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak **RM286,681.00** dan seterusnya pada tahun **2016**, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sebanyak **RM165,442.98**. Manakala bagi tahun **2017 dan 2018**, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak **RM523,324.67** dan **RM243,870.00** bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan luar bandar untuk DUN Taman Templer.

Jumlah keseluruhan yang diperuntukkan untuk tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan luar bandar untuk DUN Taman Templer mulai tahun **2013 sehingga 2018** adalah sebanyak **RM1,522,272.29**. Peruntukan yang diluluskan adalah termasuk **peruntukan MARRIS dan Peruntukan Infra (Penyelenggaraan Jalan Kampung/ Naiktaraf/ Baik pulih Jalan Luar Bandar)**.

Berikut adalah senarai penuh projek dan peruntukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan di bawah Pembangunan Luar Bandar. Sebanyak 22 bilangan projek telah dilaksanakan sejak 2013 dan senarai projek-projek tersebut akan diberikan secara bertulis kepada YB Taman Templer.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SISTEM SMART SELANGOR FIRST HOMES BUYERS**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan Sistem Smart Selangor First Homes Buyers dan rancangan seterusnya? Sila senaraikan nombor unit yang diberi oleh Kerajaan di bawah skim ini dan lokasi unit-unit ini.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Smart Selangor First Home Buyer merupakan skim pembiayaan oleh Kerajaan Negeri yang akan diberikan kepada pembeli rumah pertama yang ditawarkan Rumah Selangorku. Melalui Skim ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah dan baki 90% pembeli perlu mendapatkan pembiayaan selebihnya daripada pihak bank/institusi kewangan. Menerusi Bajet 2018, Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah RM15 juta untuk skim ini yang akan diuruskan oleh PKNS dan seterusnya PKNS melantik Hijrah sebagai agen pelaksana. Sebagai projek perintis, pelaksanaan skim ini hanya ditawarkan khusus kepada projek Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan projek anak syarikat PKNS yang bakal dinikmati hampir 1,000 pembeli.

Melalui Mesyuarat EXCO-MTES bertarikh 28 Jun 2018, Kerajaan Negeri bersetuju supaya kaedah pembiayaan pinjaman 10% akan dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada pembeli namun mekanisma pelaksanaan kutipan hendaklah dibuat 100% melalui pihak bank yang menyediakan baki pinjaman 90% tanpa perlu dilaksanakan oleh Hijrah Selangor. Setelah PKNS mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak bank, PKNS telah mengangkat kertas cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

(MMKN) dan MMKN Ke-30/2018 pada 28 September 2018 telah meluluskan kaedah pelaksanaan pinjaman deposit daripada Maybank. PKNS diminta untuk berbincang lebih lanjut dan terperinci berhubung syarat-syarat pinjaman dengan pihak Maybank untuk mendapatkan pakej tawaran yang lebih baik dan memenuhi keperluan Kerajaan Negeri.

Untuk itu, PKNS perlu mengangkat kertas pertimbangan dan cadangan terkini ke mesyuarat EXCO-MTES akan datang selepas persetujuan diperolehi bersama dengan pihak Maybank. Ini bagi memastikan mekanisma yang

dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah menyeluruh dan komprehensif serta mencapai objektif dan matlamat yang disasarkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : LOKASI PERTANIAN BARU**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lokasi pertanian baharu yang berpotensi memberi peluang ekonomi?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan telah mengenalpasti lokasi-lokasi baharu untuk pelaksanaan projek-projek pertanian yang boleh memberikan manfaat kepada agropreneur khususnya agropreneur muda. Antara lokasi-lokasi tersebut adalah di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dan Kuala Langat. Dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri akan sentiasa mendapatkan kawasan-kawasan pertanian yang berpotensi untuk dimajukan termasuk tanah-tanah milik anak-anak syarikat yang belum ada apa-apa perancangan pembangunan dalam tempoh masa yang panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SEKTOR PERTANIAN**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menggiatkan sektor pertanian dari 2016 hingga 2018.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri di dalam menggiatkan sektor pertanian dari tahun 2016 hingga 2018 adalah sebanyak RM95,375,000.00. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut :-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN</b>
2016	31,650,000
2017	31,125,000
2018	32,600,000
<b>JUMLAH</b>	<b>95,375,000</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta Kerajaan senaraikan projek perumahan yang terbengkalai, berapa unit yang terlibat serta kawasan projek yang terlibat, apakah langkah yang diambil dan yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 96 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 20,975 unit di Negeri Selangor yang direkodkan sehingga November 2018. Senarai projek perumahan seperti di Lampiran A. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di Negeri Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemuliharaan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS bagi memastikan usaha pemuliharaan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemuliharaan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemuliharaan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan / Ahli</b>	<b>Catatan</b>
1.	Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar	Pengerusi
2.	Y.B. Penasihat Undang-Undang	Ahli Mesyuarat

Bil.	Jabatan / Ahli	Catatan
3.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli Mesyuarat
4.	Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar	Ahli Mesyuarat
5.	Jabatan Kerja Raya	Ahli Mesyuarat
6.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Ahli Mesyuarat
7.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	Ahli Mesyuarat
8.	Pejabat Tanah Dan Daerah	Ahli Mesyuarat
9.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ahli Mesyuarat
10.	Panel Juru Ukur Bahan	Ahli Mesyuarat
11.	Panel Jurutera	Ahli Mesyuarat
12.	Panel Penilaian	Ahli Mesyuarat
13.	Pemaju	Ahli Mesyuarat
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta	Ahli Mesyuarat
15.	Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah	Ahli Mesyuarat
16.	Bank	Ahli Mesyuarat

\*Kehadiran ahli tertakluk dalam mesyuarat yang dibincangkan

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : BAS DAN WIFI PERCUMA SELANGOR DI KAWASAN DENGKIL**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat rancangan untuk melebarkan liputan bas percuma SMART Selangor ke kawasan lain, contohnya seperti di Pulau Meranti dan Putra Perdana di Dengkil, yang berkepadatan tinggi?
- c) Berapakah kos keseluruhan yang ditanggung Kerajaan Negeri untuk membiayai inisiatif Bas Percuma dan berapa ramaikah yang sudah menikmati perkhidmatan tersebut setakat ini?

**JAWAPAN:**

- b) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang memasuki tahun ketiga pelaksanaannya kini mempunyai 42 laluan dan 125 buah bas di sebelas kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor. Laluan-laluan Bas Smart Selangor yang dipilih adalah berdasarkan cadangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan diluluskan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor jika menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu:
  - i. Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
  - ii. Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
  - iii. Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
  - iv. Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.

Bagi cadangan untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor ke laluan Pulau Meranti dan Putra Perdana, Kerajaan Negeri melalui PBT akan meneliti kesesuaian laluan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, penambahan laluan baru juga tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan bagi tahun 2019, atau dibiayai menggunakan peruntukan PBT sendiri.

- c) Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 hingga kini adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan konsep perkongsian kos dan 1 *plus* 1 yang disyaratkan khususnya kepada PBT yang mempunyai kemampuan kewangan supaya lebih banyak laluan baru diperkenalkan dan memenuhi keperluan serta kemudahan rakyat di Negeri Selangor.

Perbelanjaan keseluruhan Bas Smart Selangor yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tiga tahun pelaksanaan adalah sebanyak **RM50,580,628.64** manakala kos yang dibiayai oleh PBT adalah sebanyak **RM9,009,788.00**.

Sejak dilaksanakan pada 1 Julai 2015 sehingga 31 Oktober 2018, jumlah pengguna perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak 27,456,999 penumpang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : CADANGAN PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN BELIA DI DENGKIL**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat rancangan untuk membina lebih banyak kompleks sukan belia di kawasan memerlukan dan padat dan kurang infrastruktur seumpamanya seperti di Dengkil?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lagi belia, khususnya di kawasan pedalaman dan kampung-kampung, agar mereka lebih berminat dalam sukan?

**JAWAPAN:**

**SEKSYEN SEKTORAL, UPEN**

- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum dan sentiasa peka dengan keperluan kemudahan sukan termasuk kompleks sukan dalam usaha untuk menaikkan martabat dan memajukan sukan di Negeri ini. Namun begitu, buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina kompleks sukan belia di Dengkil.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap DUN bagi projek menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang mana permohonan bagi projek ini boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Kemudahan-kemudahan ini boleh dibaikpulih untuk digunakan oleh masyarakat setempat bagi menjalankan aktiviti riadah dan bersukan dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang aktif dan sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dan juga dijadikan sebagai tumpuan rekreasi anak muda. Berikutan, pada tahun 2018 Kerajaan Negeri telah meluluskan 2 projek di DUN Dengkil sebanyak RM79,470.00 iaitu Kerja-kerja Membaikpulih di Padang Futsal dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Kg. Dato' Abu Bakar Baginda, Mukim Dengkil, Daerah Sepang dan Kerja-Kerja Membaikpulih Padang Futsal dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Kg. Limau Manis, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor.

- c) Kerajaan Negeri amat prihatin serta menyediakan insentif yang mencukupi untuk pembangunan sukan bagi golongan belia sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan golongan belia khususnya di kawasan pedalaman dan kampung-kampung dengan menyediakan kemudahan sukan serta



meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dalam menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kesukanan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan 33 Dataran Anak Muda yang sekaligus boleh dijadikan gelanggang serbaguna di 33 buah DUN di seluruh Negeri Selangor. Gelanggang serbaguna ini sesuai untuk aktiviti dan sukan belia setempat seperti permainan bola sepak, sepak takraw, badminton, bola jaring, bola tampar, futsal dan sebagainya.

Seterusnya, sukan merupakan salah satu teras yang terkandung dalam Dasar Belia Selangor dan sentiasa mendapat sambutan di kalangan belia. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di setiap daerah dan zon sentiasa mengadakan program-program berbentuk kesukanan bagi menggalakkan lebih ramai golongan belia menyertainya seperti Program Karnival Sukan Rakyat, Program Sukaneka Mesra Rakyat, Pertandingan Badminton, Program Jelajah Komuniti Sihat dan Program *Mountain bike Cycling Challenge*.

Selain daripada itu, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Pesta Sukan Gen-S 2018 di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor 2018 yang merupakan salah satu program kerjasama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00 kepada setiap PBT dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM240,000.00 untuk menganjurkan program ini. Melalui penganjuran tersebut, sebanyak 12 PBT telah menyahut seruan dan berjaya melaksanakannya di peringkat PBT masing-masing dan akan menyertai Program Grand Finale Selangor Plus 2018 akan datang. Sebanyak 4 jenis sukan yang akan dipertandingkan iaitu futsal, bola jaring, bola keranjang dan sepak takraw. Melalui program seperti ini turut menggalakkan golongan belia khususnya di kawasan pedalaman dan kampung-kampung untuk menyertainya.

## **MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

- c) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah dan sedang melakukan pelbagai usaha untuk menggalakkan para belia atau generasi muda berkecimpung dalam bidang sukan. Pelbagai program kesukanan telah dirancang sepanjang tahun melalui Pembangunan Generasi Muda untuk menarik minat golongan belia khususnya untuk bersama-sama terlibat dalam program sukan yang diadakan.

Antara program tahunan yang dijalankan adalah Pesta Sukan Gen-S iaitu melibatkan beberapa sukan yang dipertandingkan seperti bola keranjang, futsal, bola jaring dan sepak takraw. Dengan adanya penganjuran pesta sukan

seperti ini, ianya dapat menarik minat golongan generasi muda untuk berkecimpung dalam sukan-sukan ini di peringkat komuniti masing-masing.

Terkini, Negeri Selangor juga telah menjadi negeri pertama yang membangunkan sukan *e-sports* iaitu Selangor Cybergames yang telah memasuki edisi ke 5 pada tahun 2018 ini. Melalui program seumpama ini, ianya dilihat banyak penyertaan terutamanya dari golongan generasi muda yang meminati sukan cyber ini. Selain itu juga, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor menganjurkan kejohanan sukan seperti Sukan Selangor (SUKSES) dan Karnival Sukan Pusat Latihan Daerah (PLMSD) bagi kategori remaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ELAUN PENGGALI KUBUR ISLAM DAN TUKANG MANDI JENAZAH**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat perancangan dari Kerajaan Negeri untuk membantu memberi elaun kepada penggali kubur dan tukang mandi jenazah?

**JAWAPAN:**

- b) Tiada keperluan mewujudkan elaun khas bagi penggali kubur dan tukang mandi jenazah. Ini kerana semua masjid dan kebanyakan surau menubuhkan Biro Khairat Kematian dan Kebajikan. Penggali kubur dan tukang mandi jenazah akan dibayar imbuhan sagu hati daripada peruntukan biro tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SEKOLAH KAFA**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah terdapat rancangan untuk memperkasa dan memfokus kepada sekolah KAFA dan Sekolah Rendah Agama?
- c) Berapa banyak tahfizkah yang telah ditutup kerana tidak menepati piawai?

**JAWAPAN:**

- b) JAIS melaksanakan latihan kepada guru-guru pelbagai peringkat untuk menguruskan pelaksanaan kurikulum, kokurikulum, pengurusan sekolah, pengajaran dan pembelajaran
- c) Setakat ini hanya satu maahad tahfiz yang telah diberhentikan operasinya iaitu Maahad Tahfizul Quranul Karim Baitul Irfan, Rawang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : MEMERLUKAN BALAI BOMBA DAN MENAIKTARAF  
INFRASTRUKTUR AWAM**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat rancangan untuk menaiktaraf infrastruktur awam seperti balai polis, pusat kesihatan, bangunan-bangunan agensi dan sekolah yang berada dalam keadaan uzur dan daif di Dengkil?

**JAWAPAN:**

- b) Untuk makluman Y.B. Dengkil, urusan menaiktaraf atau menambahbaik infrastruktur awam seperti balai polis, pusat kesihatan, bangunan-bangunan agensi Persekutuan dan sekolah adalah di bawah bidang kuasa dan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, bagi keperluan balai bomba atau menaiktaraf infrastruktur awam ini, Y.B. Dengkil bolehlah merujuk kepada Jabatan/Agensi/Kementerian peringkat Persekutuan yang berkenaan.